

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

SOALAN

Tuan Liew Chin Tong [Kluang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbelanjaan persekutuan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat dari tahun 2010-2015:

- (a) Pecahan terperinci mengikut 13 negeri dan 149 buah kerajaan tempatan; dan
- (b) Peraturan dan bentuk kerjasama dengan Kerajaan Tempatan mengikut Seksyen 101 (0) dan Seksyen 102 (1), Akta 171.

JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Program yang terlibat dibawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) adalah Program Bantuan Teksi Rakyat 1Malaysia (TR1MA), Bantuan Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) dan Perkhidmatan GOKL dengan jumlah keseluruhan bernilai RM446.16 juta.
2. Bagi menangani isu pengangkutan awam secara menyeluruh dan bersepadu, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 telah memperuntukkan pembangunan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara bagi 20 tahun yang mengandungi dasar dan rancangan peringkat makro dan juga Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Wilayah (dalam bentuk rancangan induk bagi setiap negeri) bagi tempoh 20 tahun.
3. Dalam penjanaan rancangan induk ini, bermula tahun 2012, pihak SPAD telah mewujudkan Jawatankuasa Teknikal Penyelarasan Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat yang dipengerusikan oleh Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia di mana jawatankuasa ini turut dianggotai oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan.
4. Jawatankuasa ini berperanan memberikan maklumbalas yang terperinci keadaan semasa pengangkutan awam darat serta

mengenal pasti keperluan-keperluannya untuk masa kini dan masa akan datang secara jangka pendek dan juga jangka panjang bagi merancang dan menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam yang baik.

Sekian, terima kasih.

SOALAN (326)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG
[KLUANG]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [KLUANG] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan statistik sebenar untuk setiap 149 buah Pihak Berkuasa Tempatan dari 2007-2015:-

- (a) perbelanjaan mengurus, pembangunan, hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan cukai, lebihan, deficit, perbelanjaan dan hasil cukai per kapita; dan
- (b) jenis perbelanjaan mengurus dan pembangunan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan Lawatan Sistem Star Rating, Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT 2013), prestasi Kutipan Hasil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut:-

Bil	PBT	Kutipan Hasil (RM)
1	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	1,904,387,554.91
2	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	309,271,908.00
3	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	285,478,593.00
4	Majlis Bandaraya Shah Alam	245,531,355.08
5	Majlis Perbandaran Subang Jaya	227,836,193.97
6	Majlis Perbandaran Klang	220,368,150.00
7	Majlis Bandaraya Johor Bahru	196,093,726.00
8	Majlis Perbandaran Seberang Perai	178,571,221.00
9	Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	151,030,000.00
10	Majlis Perbandaran Kajang	129,185,206.00

Manakala bagi perbelanjaan pembangunan adalah merangkumi peruntukan kepada pelaksanaan projek BP1 – Projek-Projek Kecil di kawasan PBT. Program ini dilaksanakan bertujuan untuk membantu dan memajukan PBT melalui proses pembangunan fizikal dan sosio-ekonomi bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat.

Keadaan ini akan dapat dicapai melalui penyediaan perkhidmatan yang bermutu tinggi, kemudahan sosial, rekreasi dan peluang ekonomi yang seimbang selaras dengan proses pembangunan negara dan juga matlamat penyusunan semula PBT. Di samping itu, pelaksanaan projek di bawah BP.1 terutama di bawah program sosio-ekonomi adalah juga bertujuan untuk menambah pendapatan kewangan dan menjadi sebahagian daripada aset kepada PBT berkenaan. Projek-projek yang dilaksanakan merupakan projek-projek *people-centric* mengikut skop seperti berikut :

(i) Projek Infrastruktur

Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf parit dan longkang, jalan, laluan pejalan kaki dan lampu jalan.

(ii) Projek Kemudahan Awam

Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan manaik taraf dewan serbaguna, kemudahan sukan dan rekreasi, pondok bas dan tandas awam.

(iii) Projek Sosioekonomi

Komponen projek yang terlibat adalah seperti membina dan menaik taraf premis perniagaan, pasar, bazar dan gerai makan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015